

Jawatankuasa Pembangunan

Universiti Malaysia Sarawak

CADANGAN PERMOHONAN PERUNTUKAN BAGI MELAKSANAKAN KERJA MENAIKTARAF PRASARANA DI PUSAT DATA UNIMAS

1. TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini disediakan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pembangunan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengenai Cadangan Permohonan Peruntukan Bagi Melaksanakan Kerja Menaiktaraf Prasarana Pusat Data UNIMAS.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pasukan Petugas Pemeriksa Prasarana Pusat Data UNIMAS telah diwujudkan untuk mengkaji, memeriksa, melapor dan mencadangkan penambahbaikan pada prasarana sedia ada di Pusat Data UNIMAS yang telah beroperasi semenjak tahun 2004. Hal ini bagi memastikan perkhidmatan Pusat Data beroperasi dengan baik untuk mengelakkan gangguan pada perkhidmatan ICT.
- 2.2 Antara prasarana sedia ada yang diperiksa oleh Pasukan Petugas Pemeriksa adalah seperti berikut:
 - a) *Precision Air Conditioning (PAC)*
 - b) Sistem bekalan elektrik (*generator set, electrical DB, cabling, wiring* dan sebagainya)
 - c) *Fire Fighting System*
 - d) *Uninterruptable Power Supply (UPS)*
 - e) Sistem saluran dan kebocoran di dalam dan sekitar luar Pusat Data.
 - f) Kemudahan pemantauan sedia ada.

3. CADANGAN

- 3.1 Pasukan Petugas Pemeriksa Prasarana Pusat Data UNIMAS telah melaksanakan lawatan tapak untuk memeriksa dan membuat laporan bersama dengan cadangan untuk penambahbaikan secara berfasa seperti di Lampiran 1.
- 3.2 Untuk Fasa 1, anggaran kos yang diperlukan adalah RM 1,755,732.00 (Rujuk Lampiran 2)
- 3.3 Untuk Fasa 2, anggaran kos yang diperlukan adalah RM 600,000.00 (Rujuk Lampiran 3)
- 3.4 Anggaran kos keseluruhan bagi Fasa 1 dan Fasa 2 Kerja Menaiktaraf Prasarana Di Pusat Data UNIMAS ialah RM 2,355,732.00

4. PERAKUAN/SYOR

- 4.1 Jawatankuasa Pembangunan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan hormatnya adalah dipohon untuk mempertimbang dan meluluskan cadangan seperti Perkara 3 di atas.